

Kilang Panasonic Automotive Systems di Pulau Pinang capai status pelepasan emisi CO₂ sifar bersih

Petaling Jaya, 12 Oktober 2023 – Kilang milik Panasonic di Pulau Pinang telah mencapai kadar pelepasan karbon dioksida (CO₂) sifar bersih, sekali gus menjadikan kemudahan pertama di Malaysia yang mengisytiharkan status berkenaan. Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd., pengeluar sistem audio dan navigasi berkualiti tinggi kepada kenderaan mencapai status CO₂ sifar bersih pada awal tahun ini.

Kilang yang memperoleh persijilan ISO 14001 berkeluasan 100,700 meter persegi dan luas binaan 28,430 meter persegi berusaha untuk mengurangkan pelepasan CO₂ daripada pelbagai aspek operasinya. Inisiatif utama terbabit termasuk penggantian pam air, pencahayaan, pendingin hawa dan peralatan sistem penyejukan dengan yang cekap tenaga, pemasangan penderia gerakan, dan melaksanakan tinjauan kebocoran udara dan langkah tindak balas.

Pada Oktober 2018, syarikat itu telah melabur dalam tenaga boleh diperbaharui (*RE*) menerusi pemasangan sistem fotovoltaik (PV) berskala kecil yang menjana 0.8 peratus daripada kadar penggunaan tenaga elektrik keseluruhan kilangnya.

Takahiro Suzuki, Pengarah Urusan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd., berkata kilang berkenaan sedar pelepasan CO₂ sifar bersih adalah sejajar dengan komitmen Malaysia dalam mencapai sasaran neutral karbon menjelang 2050, dan syarikat itu sentiasa melaksanakan libat urus dengan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang untuk kekal pada landasan tepat ke arah mencapai matlamat bersama ini.

Norazizi Adinan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, berkata status CO₂ sifar bersih yang dicapai Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. adalah pencapaian penting bagi melengkapkan aspirasi neutral karbon Pulau Pinang dan Malaysia yang lebih meluas.

“Pencapaian ini merealisasikan matlamat jangka panjang bagi perkilangan lestari di Pulau Pinang, dan menyokong matlamat ke arah masa depan Malaysia neutral karbon. Inisiatif yang dilaksanakan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. berfungsi untuk membuktikan kebolehlaksanaan dalam menyepakati penjagaan alam sekitar ke dalam strategi perniagaan. Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang kekal komited untuk terlibat secara aktif bersama syarikat progresif seperti Panasonic dalam memacu hala tuju kolektif kami ke arah neutral karbon,” kata Norazizi.

Suzuki turut menekankan bahawa untuk terus mengekalkan status kilang CO₂ sifar bersih, ia memerlukan komitmen daripada pihak pengurusan dan kaki tangannya. “Kami menggalakkan penjimatan tenaga dan mengamalkan amalan lestari seperti pemasangan kipas berkelajuan rendah lebih banyak sebagai pengganti pendingin hawa, selain menutup lampu ketika waktu rehat bagi mengurangkan pembaziran. Kami amat menghargai sokongan dan penyertaan pekerja kami. Pencapaian ‘status kilang CO₂ sifar bersih’ bukannya titik akhir, memandangkan

Panasonic

pencapaian penting dalam hala tuju berterusan kami adalah ke arah alam sekitar yang mampan sepenuhnya," tambah Suzuki.

Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. menyasarkan untuk mengurangkan penggunaan tenaganya secara sistematik sebanyak 3 peratus setiap tahun. Syarikat itu berharap untuk mencapai sebahagian sasaran itu menerusi pemasangan sistem fotovoltaik (PV) berskala besar, merangkumi daripada 3,284 panel solar yang akan dipasang di atas bumbungnya menjelang Mac 2024, di mana ia dijangka membekalkan 20 peratus penggunaan tenaga elektrik kepada kilang.

Kumpulan Panasonic menyasarkan untuk mencapai CO₂ sifar bersih daripada operasinya menjelang 2030 sebagai sebahagian daripada hala tuju ke arah sasaran 2050 dalam matlamat alam sekitar jangka panjangnya, dikenali "Panasonic *GREEN IMPACT*". Kumpulan menetapkan sasaran untuk menjana impak positif menerusi pelbagai inisiatif bagi mengurangkan pelepasan CO₂ dalam rantaian nilai Kumpulan dan menyumbang kepada 300 juta tan atau lebih dalam pengurangan pelepasan CO₂ dalam masyarakat, jumlah yang bersamaan dengan kira-kira 1 peratus daripada jumlah pelepasan global semasa CO₂ menjelang 2050.

Sehubungan itu, Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. akan terus berusaha untuk mengurangkan pelepasan CO₂ dalam rantaian nilai mereka dengan menyediakan penyelesaian yang mampu membantu pelanggannya mengurangkan jejak karbon, sambil mengekalkan pencapaian pelepasan CO₂ sifar bersih dalam rangkaian operasinya.

"Dalam pada kami meraikan pencapaian hari ini, kami kekal fokus dengan matlamat jangka panjang yang digariskan dalam visi Panasonic *GREEN IMPACT* untuk menyumbang ke arah dunia yang lebih hijau dan mampan," tambah Suzuki.

- TAMAT -

Mengenai Kumpulan Panasonic

Sebagai pemimpin global dalam membangunkan teknologi inovatif dan penyelesaian untuk pelbagai aplikasi dalam elektronik pengguna, perumahan, automotif, industri, komunikasi, dan sektor tenaga di seluruh dunia, Kumpulan Panasonic beralih kepada sistem syarikat operasi pada 1 April 2022 dengan Panasonic Holdings Corporation berperanan sebagai syarikat induk dan lapan syarikat di bawah payungannya. Ditubuhkan pada tahun 1918, Kumpulan ini berkomitmen untuk meningkatkan kesejahteraan manusia dan masyarakat serta menjalankan perniagaannya berdasarkan prinsip-prinsip asas yang digunakan untuk menghasilkan nilai baru dan menawarkan penyelesaian yang mampan untuk dunia hari ini. Kumpulan melaporkan jualan bersih konsolidasian sebanyak 8,378.9 bilion yen untuk tahun berakhir pada 31 Mac 2023. Dengan tekad untuk meningkatkan kesejahteraan manusia, Kumpulan Panasonic bersatu untuk menyediakan produk dan perkhidmatan unggul yang membantu anda untuk Hidup Yang Terbaik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kumpulan Panasonic, sila layari: <https://holdings.panasonic/global/>



Inisiatif Kelestarian Kumpulan Panasonic

Pandangan alam sekitar jangka panjang Kumpulan Panasonic untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik dan persekitaran global yang lebih mampan dikenali sebagai Panasonic *GREEN IMPACT* (PGI). Selain mengurangkan emisi CO₂ sendiri, Kumpulan Panasonic sedang mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan sumbangannya kepada pengurangan CO₂ dalam masyarakat melalui aktiviti perniagaan yang akan menghasilkan pengurangan emisi. Selain daripada komitmen PGI ini, syarikat ini sedang menjalankan inisiatif yang menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar global seperti yang diterangkan di atas.

Panasonic *GREEN IMPACT* - Maklumat Korporat - Panasonic Holdings

<https://holdings.panasonic/global/corporate/panasonic-green-impact.html>

Kontak Media

Stanley Wong

Jabatan Pengurusan Jenama

Panasonic Asia Pacific Pte Ltd

202 Bedok South Avenue 1

#02-01, Singapore 469332

Email: stanley.wong@sg.panasonic.com

Mobil: +65-9450 5347

Stella Lim

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: stella.lim@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7605

Mazlee Mokhtar

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7877